

Headline	Usah pinggir penghidap HIV		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	26 Aug 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	303 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,759
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,277



# Usah pinggir penghidap HIV

**Johor Bahru:** Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menyokong usaha dibuat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi menerima pesakit HIV dalam kehidupan mereka.

Langkah itu juga memperlihatkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan yang bekerjasama dengan Persatuan Kebajikan Sinar Sofia menjayakan seminar kesedaran 'Stigma dan Diskriminasi HIV dan AIDS' yang pertama dianjurkan.

## Anjur seminar

Pengarah Pembangunan Kemasyarakatan MBBJ, Mohamed Firdaus Abdul Hamid, berkata pihaknya berusaha mengikis stigma negatif berkaitan pesakit berkenaan bagi membolehkan mereka menikmati hidup secara saksama.

"Justeru, kita menyasarkan pemimpin peringkat komuniti,

terutama yang mendiami perumahan di projek perumahan rakyat (PPR) dan jawatankuasa penduduk lain untuk menyertai seminar ini.

"Kita mahu masyarakat tidak lagi meminggirkan pesakit ini kerana kebanyakan daripada kita mempunyai tanggapan yang salah mengenai jangkitan dan menganggapnya boleh merebak hanya melalui sentuhan biasa," katanya.

Seminar itu dirasmikan Pengarah Khidmat Pengurusan MBBJ, Abdul Ghazali Karim yang mewakili Datuk Bandar, Ismail Karim di Pusat Penerangan Pelancongan Johor (JOTIC), di sini. Hadir sama, Pengasas Persatuan Kebajikan Sinar Sofia, Rosli Ismail.

Mohamed Firdaus berkata, pihaknya juga bekerjasama dengan Soroptimist International yang menjadi pemangkin kepada wanita menyuarakan pandangan mereka di Johor Bahru, selain aktif mengenda-

likan program kesedaran.

"MBJB menerusi Pelan Agenda Tempatan 21 sentiasa tampil membuat program komuniti dengan harapan berupaya memberikan kesamarataan kepada orang ramai menikmati hidup tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan status kekayaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Kebajikan Sinar Sofia, Rahayu Rahmat, berkata beliau kehilangan pekerjaan apabila mendapatinya positif HIV pada 2007.

"Saya menderita penyakit ini daripada bekas suami yang menyembunyikan perbuatannya menyalah guna dadah dan ketika itu kami hanya berjumpa di hujung minggu kerana saya bekerja sebagai pensyarah di Singapura.

## Mula hidup baru

"Meskipun terpaksa bergantung kepada ubat hospital

hingga akhir hayat, saya gembira kerana dipertemukan dengan Rosli sebelum kami mendirikan rumah tangga bersama empat anak berusia antara 11 hingga 22 tahun hasil perkongsian hidup yang pertama," katanya.

Rahayu kini banyak melakukan kegiatan sukarela dengan membenarkan rumahnya sebagai transit untuk rakan senasib meninggalkan anak bagi menjalani rawatan pemulihan dadah.

"Saya sentiasa menerima dengan tangan terbuka dan menjaga anak kecil itu seperti darah daging sendiri dan saya serta suami banyak menguruskan dokumentasi bagi mereka yang tidak mempunyai pengenalan diri yang menemui kami," katanya.



Rahayu Rahmat

Headline	Usah pinggir penghidap HIV		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	26 Aug 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	303 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,759
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,277



“  
Kita mahu masyarakat tidak lagi meminggirkan pesakit ini kerana kebanyakan daripada kita mempunyai **tanggapan yang salah mengenai jangkitan dan menganggapnya boleh merebak hanya melalui sentuhan biasa**”

**Mohamed Firdaus Abdul Hamid,**  
Pegawai Pembangunan  
Kemasyarakatan MBBB